

06/11/1997

Kaji ekonomi dunia Mei depan

zal Fadzil; Ebi Azli Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Sidang kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) ketujuh yang berakhir di sini hari ini memutuskan persidangan kelapan ketua-ketua kerajaan akan diadakan di Kaherah, Mei depan bagi mengkaji keadaan ekonomi makro dunia dan kesannya kepada pertubuhan itu.

Serentak itu, menteri-menteri kewangan dan gabenor bank pusat negara anggota akan mengadakan pertemuan yang diadakan serentak dengan Mesyuarat Menteri Kewangan Asean di sini pada 1 dan 2 Disember ini, untuk mengkaji dan menggubal cadangan peraturan urus niaga mata wang.

Cadangan itu akan diserahkan kepada sidang kemuncak di Kaherah sebelum ketua-ketua kerajaan mengemukakannya kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku pengerusi sidang kemuncak kali ini berkata, ketua-ketua kerajaan bersetuju supaya mesyuarat di peringkat mereka lebih kerap diadakan dan pada masa yang lebih sesuai.

"Selepas sidang kemuncak kelapan di Kaherah pada Mei 1998, mesyuarat kesembilan akan diadakan pada Februari 1999 dengan Jamaica sudah bersetuju untuk menjadi tuan rumah.

"Jika perlu, beberapa perjumpaan ketua kerajaan akan diadakan antara dua tarikh itu," katanya dalam sidang akhbar bersama ketua-ketua kerajaan atau wakil mereka di Hotel Palace of The Golden Horses, dekat sini, hari ini.

Antara ketua kerajaan yang hadir dalam sidang akhbar itu ialah Presiden Suharto dari Indonesia dan Presiden Mesir, Hosni Mubarak.

Mengikut giliran, Jamaica sepatutnya menjadi tuan rumah sidang kemuncak akan datang pada waktu kira-kira setahun daripada tarikh mesyuarat sebelumnya. Dengan keputusan mengadakan sidang kelapan pada Mei depan dan kesembilan pada Februari 1999, ketua-ketua kerajaan G-15 bertemu dua kali dalam tempoh setahun. Kaherah juga dijadualkan menjadi tuan rumah pada tahun 2000.

Kesediaan Kaherah menjadi tuan rumah menunjukkan keazaman Mesir untuk memainkan peranan lebih aktif dalam kumpulan ini. Malah, pada sesi pembukaan Isnin lalu, Mubarak mencadangkan pegawai kementerian kewangan negara anggota mengadakan mesyuarat khusus mencari jalan menghadapi krisis mata wang, yang kemudiannya diterima dan diperkemas oleh sidang kemuncak kali ini.

Menurut Dr Mahathir, keputusan supaya menteri-menteri kewangan, gabenor bank pusat dan pihak berkuasa berkaitan bermesyuarat serentak dengan Menteri Kewangan Asean, diputuskan oleh ketua-ketua kerajaan dalam perbincangan sambil berehat di Melaka, semalam.

"Mesyuarat serentak Menteri Kewangan G-15 dan Asean itu mempunyai matlamat yang sama iaitu menggubal peraturan dan syarat dalam urus niaga mata wang untuk diserahkan kepada IMF," katanya.

Sebelum itu, ketika menggulung sidang kemuncak G-15 kali ini, Perdana Menteri berkata sidang kemuncak di Kaherah juga akan membincangkan kertas kerja cadangan supaya G-15 menubuhkan sebuah sekretariat tetap.

Sehingga itu, semua perkara berbangkit akan dikendalikan oleh Troika.

Beliau juga berkata, sidang kali ini percaya bahawa usaha meningkatkan dialog Utara-Selatan menjadi sia-sia selagi negara anggota gagal mengenal pasti isu-isu tertentu yang membabitkan kepentingan bersama, untuk ditimbulkan dalam dialog itu.

Walaupun, satu pendirian bersama membabitkan semua isu tidak mudah dicapai dalam G-15, ia tidak seharusnya menyekat usaha memastikan dialog

yang lebih bermakna dengan Utara.

Ditanya mengenai dialog G7 (kumpulan tujuh negara maju) dan G-15 dalam sidang akhbar selepas itu, Dr Mahathir secara berseloroh menyifatkan seperti tarian tango.

"Kami memang berbincang ... macam tango yang memerlukan dua orang untuk menari. Kami perlu mendapat maklum balas daripada mereka. Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, pernah menyampaikan harapan G-15 kepada G7.

"Jacques Chirac (Presiden Perancis) pernah menulis pada saya, atas kedudukannya sebagai pengerusi sidang kemuncak G7 bahawa perlu ada kerjasama rapat. Memang ada kemajuan, mungkin akhirnya kita boleh menari bersama," kata Dr Mahathir.

(END)